

TATACARA PINDAHMILIK TANAH MENGGUNAKAN BORANG 14A

Sila baca dengan teliti panduan ini. Pengisian semua borang hendaklah ditaip atau ditulis dengan **PEN DAKWAT CAIR / BASAH BERWARNA HITAM SAHAJA.**

LANGKAH 1

Pastikan anda telah bersedia dengan dokumen-dokumen berikut:-

- a) Borang Pindahmilik (14A) - 1 salinan asal boleh didapati **di Kaunter Pertanyaan Unit Pendaftaran**
- b) Borang setem (PDS 15) - 1 salinan.
- c) Surat kebenaran dari Pihak Berkuasa Negeri (bagi hakmilik yang mempunyai sekatan kepentingan).
- d) **Hakmilik keluaran asal.**
- e) **Resit asal atau salinan cukai tanah tahun semasa.**

LANGKAH 2

Lengkapkan Borang 14A dan Borang PDS 15 seperti contoh di papan notis Pejabat Tanah. Buat penyaksian di hadapan Pentadbir Tanah atau di hadapan-peguam (bagi hakmilik bukan dari Malacca Customary Land (MCL) sahaja. Pastikan **nama dan no kad pengenalan** di dalam hakmilik adalah sama. (Jika berlainan, sila isikan **Borang Perubahan Nama (Akuan)** - borang boleh didapati di **Kaunter Pertanyaan Unit Pendaftaran**.)

LANGKAH 3

Kemukakan dokumen-dokumen berikut ke pejabat **Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)**, beralamat: **Pusat Khidmat Hasil Jasin, JA 9968, Tingkat Bawah, Bandar Jasin 3, 77000 Jasin, Melaka.** (Belakang Bank Rakyat Jasin)

- a) 1 salinan Borang 14A yang telah dibuat penyaksian,
- b) 1 salinan Borang PDS 15 yang diisi sempurna
- c) 1 salinan hakmilik (geran)
- d) 1 salinan kad pengenalan pemberi dan penerima
- e) 1 salinan sijil lahir @ 1 salinan sijil nikah (jika berkaitan).

Pada peringkat ini, anda hanya perlu tunggu surat makluman daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenai nilai taksiran yang perlu dibayar. Jika dalam tempoh 1 bulan, anda masih tidak dapat surat makluman ini, sila hadir / hubungi Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan segera.

LANGKAH 4

Apabila mendapat surat dari pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri, pembatalan setem hasil ke atas Borang 14A mesti dibuat di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam tempoh **30 hari dari tarikh notis taksiran tersebut**. Jika tidak, denda minima **RM 25.00** atau **5 % (mana yang lebih tinggi)** atas duti setem boleh dikenakan.

LANGKAH 5

Setelah pembatalan setem hasil seperti langkah 4 dibuat, Borang 14A mesti diserahkan ke Pejabat Tanah dengan segera untuk urusan pendaftaran. Dokumen yang perlu ada semasa membuat penyerahan pada peringkat ini adalah seperti berikut:-

- 1) **Borang 14A yang telah dibatalkan setem menurut nilai taksiran atau sijil setem**
- 2) **Hakmilik keluaran asal.**
- 3) **Resit asal atau salinan cukai tanah tahun semasa.**
- 4) **Notis taksiran asal**
- 5) **Sijil setem asal**
- 6) **Surat asal Kebenaran Pindahmilik (jika berkaitan).**
- 7) **Bayaran Pendaftaran menurut nilai harta tanah. (Bayaran minima RM 50.00)**

PERINGATAN PENTING

Penyerahan dokumen di langkah 5 hendaklah dibuat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penyaksian di langkah 2. Jika tidak, denda sehingga maksima lima kali ganda daripada Bayaran Pendaftaran boleh dikenakan.